

28 AUG 1996

Mahathir-Kebangsaan

RAKYAT PERLU BANGGA DENGAN PEMBANGUNAN NEGARA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rakyat Malaysia perlu berbangga dengan tahap pembangunan mantap yang dicapai negara selepas 39 tahun mendapat kemerdekaan.

"Setiap rakyat harus berbangga dengan pencapaian ini memandangkan segenap lapisan masyarakat dapat menikmati hasil daripada usaha gigih kita bersama," katanya dalam kata-kata aluan buku cendermata sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-39 Sabtu ini yang dikeluarkan di sini.

Menurut Dr Mahathir, rakyat perlu memelihara kemajuan negara secara berterusan dengan ketekunan dan usaha yang berlipat ganda bagi memperolehi kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada tahun-tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata perpaduan di kalangan rakyat perlu dijaga untuk menentukan peningkatan ekonomi dan kestabilan politik yang berkekalan.

"Tiada siapa dapat menafikan tentang wujudnya kejituan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan keturunan di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata tema perayaan Hari Kebangsaan kali ini "Budaya Penentu Kecapaian" menunjukkan hasrat membudayakan amalan-amalan nilai hidup yang luhur, murni dan positif di kalangan rakyat.

Menurut beliau, dalam era perubahan dinamik masa kini, rakyat perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi di samping bersikap positif dan sentiasa membawa perubahan.

Dr Mahathir turut mengingatkan rakyat Malaysia tentang pentingnya mengamalkan nilai hidup murni dan positif seperti bertoleransi, berdisiplin, berilmu, rajin bekerja, berinovatif dan berdaya saing dalam memastikan matlamat Wawasan 2020 tercapai.

"Nilai-nilai ini perlu disemai di kalangan generasi muda supaya mereka sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran yang semakin kompleks pada masa hadapan," katanya.

Dr Mahathir juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Sabah yang menganjurkan perayaan kali ini. -- BERNAMA

RAZ NMO